

BAB



Ngelulun Nasi Pulut di Pakoh, Betong

TUJUH

BAB TUJUH

RUMUSAN DAN SARANAN

Dalam Bab ini satu rumusan yang menyeluruh untuk Disertasi ini akan dibuat iaitu bermula dari Bab Satu hingga ke Bab Enam dan seterusnya ia akan menghuraikan juga mengenai cabaran-cabaran yang telah dihadapi dalam tradisi penggunaan buluh dalam budaya masyarakat Iban. Selain itu Bab ini juga akan membincangkan tentang cara-cara yang difikirkan boleh membantu untuk mengekalkan dan terus memajukan penggunaan buluh dalam budaya masyarakat Iban pada masa akan datang.

Seperti yang telah dinyatakan dalam Bab Satu, kajian ini bertujuan untuk mengingatkan pembaca bahawa pada masa dahulu buluh merupakan sejenis tumbuhan yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat Iban di Sarawak. Ia memainkan peranan dalam hampir semua aspek budaya masyarakat Iban. Lantaran itu, tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa buluh telah digunakan sejak daripada kelahiran sampai kepada upacara kematian seterusnya kepada ritual-ritual yang berkaitan dengan kepercayaan masyarakat Iban mengenai alam mati atau *sebayan* atau roh-roh orang mati.

Sebenarnya orang Iban, seperti masyarakat lain di dunia juga iaitu mereka banyak menggunakan buluh kerana pengaruh alam sekeliling umpamanya kediaman orang Iban di Sarawak adalah dikelilingi oleh berbagai-bagai tumbuhan. Pendek kata, buluh adalah sejenis tumbuhan yang telah digunakan bantuan dalam mengisi keperluan harian, ritual dan sebagainya.

Di Sarawak terdapat berbagai-bagai jenis buluh. Untuk membuat barangan keperluan orang Iban memilih jenis buluh yang bersesuaian misalnya untuk membuat alat-alat anyaman orang Iban memilih buluh yang mempunyai kulit yang nipis. Buluh-buluh yang terdiri daripada kulit nipis seperti buluh *amat*, *pasa* dan *engkalat*. Buluh yang mempunyai bentuk kecil biasanya digunakan untuk membuat joran dan buluh yang berkulit tebal dan mempunyai tekstur yang kuat seperti buluh *payan* digunakan untuk mengusung keranda dan seni bina. Dalam seni ukiran dan seni muzik orang Iban menggunakan buluh nipis seperti yang digunakan dalam seni anyaman kecuali alat muzik yang dinamakan *engketung* kerana ia diperbuat daripada buluh berkulit tebal misalnya buluh *payan* atau buluh betung.

Pada mulanya buluh digunakan sebagai keperluan asas dalam pembinaan rumah panjang atau pondok disamping untuk membuat bekas air, alat memasak dan juga makanan. Selain itu buluh digunakan oleh masyarakat Iban untuk menganyam bekas-bekas untuk menyimpan barang-barang atau hasilan hutan. Oleh yang demikian, mereka menganyam berjenis-jenis bakul seperti *timpa*, *baka*, *raga*, *jagan* dan sebagainya. Orang Iban juga menganyam alat-alat yang digunakan untuk berkerja di huma seperti *seluk*, *sintung* dan lain-lain. Dalam majlis perkahwinan juga orang Iban pada masa dahulu membuat bekas anyaman khas yang dinamakan *sintung bangin* atau *sinting menarang*.

Orang Iban pada masa dahulu sama juga dengan masyarakat Melayu dan India iaitu suka makan sirih pinang. Oleh yang demikian, mereka membuat bakul yang dianyam daripada buluh yang disebut *kandi* untuk menyimpan sirih, pinang, rokok dan

bekas buluh iaitu tempat menyimpan kapur sirih yang disebut *surang kapu* atau *kuran kapu* dan *gucuh* yang digunakan oleh kaum tua menumbuk sirih pinang.

Selain daripada membuat alat-alat anyaman, buluh juga digunakan untuk membuat senjata seperti *beruak*, anak panah dan *tukak*. *Beruak* berfungsi sebagai lembing dan *tukak* untuk dijadikan kota iaitu ia ditanam di sekeliling rumah panjang supaya musuh susah mengalahkan rumah panjang berkenaan. Ada juga buluh dibuat sebagai pisau dan ia disebut *semilu*. Pada zaman dahulu orang Iban menggunakan *semilu* untuk memotong tali pusat bayi yang baru lahir dan juga dalam upacara bersunat.

Pada zaman dahulu orang Iban juga menggunakan buluh sebagai satu senjata dan tanda peringatan untuk menghukum mati pasangan zina sumbang mahram. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak lagi dilakukan kerana ia terlalu berat atau kejam dan ada cara yang tertentu atau lebih baik dalam undang-undang Negara Malaysia untuk menyelesaikan kes yang sebegitu rupa.

Untuk menangkap ikan, masyarakat Iban menggunakan buluh untuk membuat bubu. Mereka telah mencipta berbagai-bagai jenis bubu. Ada antara bubu itu disebut *bubu duduk*, *ensenga* dan sebagainya. Saiz dan bentuk bubu yang digunakan adalah bergantung kepada tempat mereka meletakkan bubu itu. Misalnya *bubu abau* yang bersaiz besar digunakan di sungai besar dan *bubu batang* di sungai yang kecil.

Selain daripada bubu orang Iban di Sarawak juga menggunakan buluh untuk membuat joran, *taut* dan lain-lain kail. Untuk membuat joran atau batang kail, orang Iban menggunakan buluh yang berbatang kecil seperti *aur*, *buluh lalang*, *gangging* dan sebagainya. Walau bagaimanapun, ada juga orang Iban menggunakan buluh besar seperti *payan*. Batang *payan* itu dibelah dan diraut menjadi batang-batang kecil dan dijadikan batang *taut*.

Orang Iban juga ada menggunakan buluh untuk memburu atau menjerat binatang atau burung. Selain daripada menggunakan buluh untuk memburu orang Iban juga menggunakannya untuk membuat pagar atau alat-alat lain untuk binatang ternakan seperti ayam, itik dan sebagainya. Dalam penternakan ayam dan itik mereka menggunakan buluh untuk membuat *tansang*, *kerungan* dan lain-lain.

Oleh kerana orang Iban pada masa dahulu adalah penganut kepercayaan animisme maka mereka percaya ada banyak dewa-dewi. Selain itu kepercayaan animisme telah menyebabkan mereka percaya bahawa setiap benda sama ada yang hidup atau mati mempunyai semangat. Tumbuhan termasuk buluh juga dipercayai mempunyai semangat atau *ayu*. Mereka juga percaya gunung, sungai dan lembah ada penunggu yang tertentu dan selain itu mereka juga percaya ada hantu-hantu jahat seperti *gerasi*, *sabut*, *buyu* dan sebagainya. Oleh yang demikian, maka timbulah ritual-ritual persembahan. Ritual-ritual itu ada yang dibuat secara sederhana dan ada juga yang dibuat secara besar-besaran seperti *Gawai Antu*, *Gawai Kelingang* dan sebagainya. Bertitik-tolak daripada pemujaan yang menggunakan ritual-ritual itu maka mereka pun mencipta alat-alat khas untuk

meletakkan pemberian sama ada kepada dewa, hantu, semangat dan sebagainya. Kebanyakan alat-alat yang digunakan untuk mempersembahkan pemberian tersebut diperbuat daripada buluh.

Mereka percaya yang roh-roh orang mati di alam mati juga mempunyai aktiviti-aktiviti seperti manusia yang hidup di alam nyata maka mereka mengadakan satu ritual yang khas iaitu *Gawai Antu*. Mereka percaya bahawa manusia yang hidup mempunyai tanggungjawab memberi alat-alat kegunaan untuk roh-roh di alam mati. Kebanyakan alat-alat anyaman itu dianyam daripada buluh dan dipersembahkan pada waktu ritual *Gawai Antu*.

Selain daripada mengadakan ritual untuk roh orang mati orang Iban juga banyak mengadakan ritual yang berkait dengan *antu pala*. Ritual tersebut seperti *Gawai Kelingkang* dan sebagainya.

Masyarakat Iban juga menggunakan buluh sebagai alat untuk kesenian. Mereka mempunyai seni tampak yang cantik, seni persembahan dan seni sastera. Tujuan berseni sama ada untuk mengisi masa lapang, berhibur atau pun untuk tujuan ritual. Dalam seni tampak seperti seni anyaman mereka pandai mencipta motif-motif yang begitu indah. Motif-motif itu berunsurkan alam sekeliling iaitu haiwan, tumbuhan, alam ghaib seperti orang halus dan ada juga yang berunsurkan cakrawala. Motif-motif yang digunakan untuk menganyam alat-alat yang diperbuat daripada buluh tidaklah sangat besar kalau dibandingkan dengan motif-motif yang digunakan untuk menganyam tikar bemban. Oleh

yang demikian tidak ada pantang larang yang berkaitan dengan motif-motif bagi menganyam alat-alat buluh iaitu tidak seperti dalam menganyam motif-motif pada tikar bemban atau tenunan *pua kumbu*. Pantang larang yang ada hanya untuk menganyam buluh yang dipersembahkan untuk roh orang mati sahaja. Pantang larang itu ialah orang yang menyediakan bilah-bilah buluh tidak boleh menggigit bilah tersebut dan sekiranya semasa menganyam ada bilah yang terputus ia tidak boleh disambung. Semua ini adalah kerana takutkan orang yang berkenaan *alah ayu*.

Dalam seni ukiran orang Iban seperti juga orang Melayu mereka mempunyai ukiran yang berunsurkan tumbuhan dan haiwan. Mereka juga mempunyai cara-cara yang tertentu untuk mengukir. Oleh kerana saiz buluh yang digunakan untuk membuat ukiran itu tidak besar berbanding dengan alat ukiran seperti dinding dan sebagainya maka ukiran-ukiran yang dipilih juga terdiri daripada ukiran yang kecil, sederhana dan saiz ukiran itu juga bergantung kepada saiz buluh yang digunakan.

Ada juga alat-alat seni muzik masyarakat Iban yang diperbuat daripada buluh iaitu seperti *engkerurai*, *kesuling* dan *engketung*. *Engkerurai* dan *kesuling* ialah alat-alat muzik yang terdiri dari jenis aerofon. *Engkerurai* diperbuat daripada kombinasi beberapa batang buluh kecil yang berkulit nipis bersama *kerubung labu* yang tua. *Kesuling* pula diperbuat daripada sebatang buluh yang berkulit nipis seperti *engkalat* atau *buluh amat* yang berbatang kecil. *Engketung* seperti yang telah dinyatakan di atas adalah diperbuat daripada buluh jenis besar seperti *payan* dan sebagainya. Ia adalah sejenis alat muzik

yang diketuk-ketuk dan ada kalanya ia digunakan sebagai loceng iaitu untuk memanggil orang sekiranya ada sesuatu yang berlaku seperti ada musuh datang menyerang.

Dalam seni perhiasan diri ada antara pemuda kaum Iban pada masa dahulu yang suka membuat *palang*. Untuk membuat *palang*, mereka menggunakan buluh dari jenis kulit nipis. Buluh itu adalah sebagai alat memudahkan proses menebuk lubang tempat memasang *palang* tersebut kepada hujung zakar. Bagi masyarakat Iban tradisi para kaum lelaki yang memakai *palang* dianggap berani dan gagah dan mereka juga disanjung tinggi oleh kaum tersebut terutamanya para gadis dan wanita.

Selain daripada seni perhiasan diri masyarakat Iban juga mempunyai seni persembahan yang menggunakan alat-alat yang diperbuat daripada buluh. Seni persembahan masyarakat Iban biasanya berkait dengan upacara ritual seperti *Pengap*, *Pelian*, *Biau* dan sebagainya. Dalam seni persembahan terdapat bahan-bahan yang digunakan diperbuat daripada buluh misalnya *tongkat lemambang*, *pandung* dan lain-lain.

Seperti masyarakat Melayu, orang Iban juga mempunyai seni sastera yang membabitkan kehadiran buluh. Seni sastera yang dimaksudkan itu ialah seperti cerita rakyat, cerita asal usul atau mitos, peribahasa dan sebagainya. Pada zaman tradisi semua seni sastera itu telah dibuat dalam bentuk sastera lisan tetapi pada masa sekarang ada antara seni sastera itu telah dibuat dalam bentuk sastera tulisan.

sebagainya. Kaum lelaki muda juga lebih gemar melukis dengan menggunakan alat-alat moden seperti lukisan pada kain kanvas dan sebagainya.

Pendidikan juga telah membawa kepada kekurangan penggunaan alat-alat buluh misalnya alat untuk menangkap ikan dan menjerat binatang. Ini adalah kerana kaum lelaki bangsa Iban terutamanya yang terdiri dari golongan muda dan berpendidikan tinggi tidak berminat mempelajari cara-cara membuat alat-alat buluh seperti *bubu*, *panjuk*, *peti* dan sebagainya. Dalam pemerhatian pengkaji orang Iban lebih suka membeli ikan dan daging dari kedai atau pun daripada penjual-penjual yang datang ke rumah panjang mereka dan oleh yang demikian alat-alat yang disebut di atas itu tidak dipentingkan lagi. Pendidikan juga telah mengubah nilai sosial masyarakat Iban terhadap barangan-barangan yang diperbuat daripada buluh.

Perubahan nilai sosial yang pengkaji hendak pertikaikan ialah mengenai penggunaan alat-alat yang diperbuat daripada buluh iaitu seperti bekas-bekas anyaman dan alat-alat ukiran. Kebanyakan alat-alat anyaman yang diperbuat daripada buluh ini tidak lagi dipentingkan oleh masyarakat Iban kerana mengikut informan Puan Embak Sang orang Iban pada zaman ini lebih suka membeli bekas-bekas daripada plastik dan lain-lain. Ini adalah kerana generasi baru orang Iban menganggap barang-barang yang dibeli itu lebih cantik dan moden. Oleh yang demikian barang-barang itu dianggap mempunyai nilai yang lebih tinggi daripada alat-alat anyaman buluh yang dibuat sendiri. Misalnya alat-alat seperti *baka* pakaian, *jagan* sayur, *sarang amau* rokok boleh digantikan dengan bekas-bekas yang boleh dibeli dari pasar dengan harga yang

Seperti masyarakat lain, orang Iban yang tinggal di Sarawak telah banyak mengalami perubahan terutamanya dari cara hidup atau budaya. Kebanyakan budaya tradisi telah diketepikan dan digantikan dengan budaya baru misalnya dari segi kepercayaan atau agama, pendidikan, perubahan nilai sosial, kesan pembangunan dan sebagainya. Perubahan-perubahan tersebut telah memberi cabaran-cabaran yang boleh menyebabkan kepupusan kepada penggunaan buluh dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak. Seterusnya pengkaji akan membuat huraian mengenai cabaran-cabaran tersebut.

Cabaran yang pertama dihadapi dalam penggunaan buluh ialah daripada penerimaan agama Kristian oleh masyarakat Iban. Mengikut informan Fr Aeries Sumping, agama Kristian sudah bertapak di Sarawak sejak tahun 1848 Masihi. Sejak dari itu orang Iban telah mula bertukar kepercayaan dan selain daripada memeluk agama Kristian ada juga antara orang Iban yang memeluk agama Islam.

Perubahan yang dibawa oleh agama tersebut telah banyak mempengaruhi kepupusan penggunaan buluh terutamanya alat-alat yang digunakan untuk ritual. Walau bagaimanapun pengkaji tidak menafikan bahawa ada segelintir daripada masyarakat Iban yang masih berpegang kepada kepercayaan tradisi. Mengikut informan Tuai Rumah Cannidy orang Iban yang masih mengamalkan ritual adalah dari golongan kaum tua sahaja. Kaum muda sudah tidak mahu lagi berbuat demikian kerana mereka sudah tahu perlakuan itu bercanggah dengan aqidah agama wahyu dan ada juga yang mengatakan kepercayaan seperti itu adalah suatu yang tahyul atau tidak benar dan tidak dapat diterima akal.

Oleh kerana perubahan agama maka hampir semua *gawai* ritual yang berkaitan dengan dewa-dewi, *antu palu*, para wira telah tidak diadakan lagi. Dengan ketiadaan ritual-ritual itu maka alat-alat ritual yang diperbuat daripada buluh yang khas untuk kegunaan dalam persembahan-persembahan ritual terbabit juga tidak dibuat lagi. Daripada *gawai-gawai* ritual itu yang masih diadakan ialah hanya *Gawai Antu*. Walau bagaimanapun *Gawai Antu* hanya dibuat untuk roh orang mati yang belum Kristian semasa hayatnya dan juga belum *diperantu*. Oleh yang demikian pada masa akan datang iaitu apabila semua orang Iban sudah tidak berpegang kepada kepercayaan animisme maka ritual tersebut sudah tentu akan pupus.

Begitu juga dengan para *lemambang*, iaitu mereka terdiri daripada golongan tua, oleh yang demikian pada masa hadapan apabila para *lemambang* tersebut tidak ada lagi kehilangan mereka sudah tentu tidak ada pengganti dan oleh itu profesyen *lemambang* juga turut tiada penerusnya. Golongan muda atau orang Iban Islam atau Kristian tidak mahu memegang profesyen tersebut kerana ia memerlukan *panguruh* dan *ubat* dan kedua-dua ini tidak dibenarkan oleh agama-agama tersebut. Oleh kerana tidak adanya profesyen tersebut maka alat-alat buluh seperti *tongkat lemambang* juga turut tidak diperlukan lagi.

Selain daripada alat-alat ritual yang digunakan dalam *gawai*, alat-alat ritual yang diperbuat daripada buluh yang digunakan dalam seni persembahan juga turut pupus. Alat-alat ritual yang dimaksudkan adalah seperti *keresang*, *kelingkang* dan sebagainya yang

digunakan untuk meletakkan *piring* yang dipersembahkan kepada dewa, dewi, hantu atau semangat.

Selain itu *buluh kelakar* dan *buluh sumpah* juga tidak dibuat lagi kerana sekarang kalau ada kes perbicaraan yang tidak dapat diselesaikan oleh Tuai Rumah atau Penghulu ia akan dibawa ke mahkamah. Penggunaan *buluh kelakar* dalam ritual *nyelam* juga telah pupus kerana cara itu tidak lagi dibenarkan oleh undang-undang negara Malaysia kerana ia sangat berbahaya dan biasanya yang kalah selalunya akan lemas. Agama Kristian dan Islam juga tidak membenarkan cara seperti itu.

Selain tidak mengadakan ritual yang berkaitan dengan animisme agama Kristian atau Islam juga sangat banyak mengubah pemikiran masyarakat Iban di Sarawak. Agama-agama baru itu tidak membenarkan orang Iban atau pun sesiapa sahaja memotong kepala manusia maka orang Iban di Sarawak boleh hidup aman. Oleh yang demikian senjata-senjata buluh seperti *beruak*, *laja* dan *tukak* juga tidak ada lagi dibuat kerana orang Iban sudah tidak mahu *ngayau* lagi. Pada zaman dahulu ada antara senjata tersebut digunakan untuk memburu tetapi orang Iban sekarang tidak mahu menggunakannya untuk tujuan tersebut kerana mereka lebih suka menggunakan alat-alat moden seperti senapang dan lain-lain. Seterusnya pengkaji akan menerangkan mengenai cabaran yang dari pihak pendidikan.

Mengikut informan Penghulu Daniel, pendidikan dan agama Kristian sangat berkait rapat dalam membentuk perubahan fikiran kosmologi masyarakat Iban di daerah

Saribas dan daerah Kalaka. Misalnya di Saribas sekolah *mission* yang dibawa oleh mubaligh Kristian telah dibina di situ sejak awal abad kedua puluh. Pendidikan tersebut telah banyak membawa kepupusan kepada penggunaan buluh terutamanya dari segi perubatan. Oleh kerana orang Iban sudah mempunyai pendidikan maka pemikiran mereka dalam bidang perubatan juga turut berubah iaitu mereka tidak lagi suka menggunakan khidmat *manang* untuk berubat kerana mereka menganggap itu sesuatu yang tahyul dan tidak benar. Oleh yang demikian alat ritual perubatan seperti *tiang pancha* dan sebagainya tidak ada lagi. Mengikut informan Penghulu Daniel di daerah Saribas profesyen *manang* sudah hampir pupus dan yang masih ada hanyalah daripada golongan tua dan umur mereka kira-kira 70-80 tahun. Di tempat lain seperti di daerah Kalaka hanya ada dua orang *manang* sahaja dan keduanya sudah tua iaitu sama-sama berusia lebih 80 tahun. Selain daripada kepupusan alat ritual dalam bidang perubatan pendidikan juga telah menyebabkan generasi baru tidak berminat untuk membuat seni anyaman dan seni ukiran.

Durin (2002:192) menyatakan bahawa kebanyakan generasi muda orang Iban yang sudah bersekolah tidak lagi berminat dengan kerja menganyam dan mengukir. Oleh yang demikian alat-alat anyaman dan ukiran buluh semakin berkurangan. Pendidikan juga telah membawa kepupusan kepada status *Indu Takar*. Ini adalah kerana ramai kaum perempuan Iban yang telah mendapat pendidikan dan ada juga yang mendapat pendidikan sampai kepada peringkat universiti. Kaum perempuan Iban yang sudah berpendidikan itu lebih suka membuat seni rupa moden seperti mengait, menyulam dan

sebagainya. Kaum lelaki muda juga lebih gemar melukis dengan menggunakan alat-alat moden seperti lukisan pada kain kanvas dan sebagainya.

Pendidikan juga telah membawa kepada kekurangan penggunaan alat-alat buluh misalnya alat untuk menangkap ikan dan menjerat binatang. Ini adalah kerana kaum lelaki bangsa Iban terutamanya yang terdiri dari golongan muda dan berpendidikan tinggi tidak berminat mempelajari cara-cara membuat alat-alat buluh seperti *bubu*, *panjuk*, *peti* dan sebagainya. Dalam pemerhatian pengkaji orang Iban lebih suka membeli ikan dan daging dari kedai atau pun daripada penjual-penjual yang datang ke rumah panjang mereka dan oleh yang demikian alat-alat yang disebut di atas itu tidak dipentingkan lagi. Pendidikan juga telah mengubah nilai sosial masyarakat Iban terhadap barangan-barangan yang diperbuat daripada buluh.

Perubahan nilai sosial yang pengkaji hendak pertikaikan ialah mengenai penggunaan alat-alat yang diperbuat daripada buluh iaitu seperti bekas-bekas anyaman dan alat-alat ukiran. Kebanyakan alat-alat anyaman yang diperbuat daripada buluh ini tidak lagi dipentingkan oleh masyarakat Iban kerana mengikut informan Puan Embak Sang orang Iban pada zaman ini lebih suka membeli bekas-bekas daripada plastik dan lain-lain. Ini adalah kerana generasi baru orang Iban menganggap barang-barang yang dibeli itu lebih cantik dan moden. Oleh yang demikian barang-barang itu dianggap mempunyai nilai yang lebih tinggi daripada alat-alat anyaman buluh yang dibuat sendiri. Misalnya alat-alat seperti *baka* pakaian, *jagan* sayur, *sarang amau* rokok boleh digantikan dengan bekas-bekas yang boleh dibeli dari pasar dengan harga yang

berpatutan. Seterusnya pengkaji juga ingin menyentuh alat yang digunakan untuk merokok iaitu *gereguk*.

Orang Iban zaman sekarang jarang sekali merokok menggunakan *gereguk* dan dalam sepanjang kajian ini pengkaji tidak menjumpai orang Iban yang merokok menggunakan *gereguk*. Mengikut informan Penghulu Daniel *gereguk* adalah satu daripada alat buluh yang mungkin sudah pupus. Beliau menyatakan sejak kebelakangan ini beliau tidak lagi melihat orang menggunakannya. Pengkaji juga telah menemu bual anak-anak muda seperti Encik Richard Umak, Cik Sandi Daneil dan lain-lain. Rata-rata mereka memberitahu pengkaji bahawa mereka tidak pernah melihat *gereguk* apatah lagi melihat orang merokok menggunakannya atau pun membuatnya. Mengikut mereka adalah lebih baik merokok *cigarette* yang senang didapati di kedai-kedai daripada membuat *gereguk*. Dengan pendapat yang beginilah maka *gereguk* itu nanti akan lenyap daripada kehidupan orang Iban pada masa akan datang.

Penggunaan *sintung bangin* atau *sintung menarang* juga semakin pupus kerana ramai daripada pengantin Iban mengadakan majlis perkahwinan mereka di bandar. Ini berlaku kerana kebanyakan pengantin itu berkerja di bandar dan oleh yang demikian mereka tidak suka membuat majlis perkahwinan di rumah panjang. Oleh kerana majlis perkahwinan itu diadakan sama ada di rumah atau biasanya di restoran atau hotel maka penggunaan *sintung bangin* yang digunakan dalam adat *melah pinang* pun diketepikan. Pengantin perempuan sudah tidak berminat membawa pakaian atau alat-alat soleknya dengan *sintung bangin* tersebut. Pengantin-pengantin perempuan yang sudah dipengaruhi

budaya moden sudah tidak lagi menilai alat anyaman seperti itu sebagai satu alat yang berharga atau mempunyai nilai budaya yang tinggi seperti nenek moyang mereka pada zaman silam. Walau bagaimanapun di kawasan pedalaman ada kalanya *sintung bangin* masih digunakan oleh pengantin perempuan.

Seterusnya pengkaji akan membincangkan mengenai cabaran yang dibawa oleh pembangunan yang telah dijalankan sama ada kerajaan pusat atau pun negeri. Untuk membincangkan cabaran tersebut, pengkaji hanya menyentuh dua sudut sahaja iaitu dasar ekonomi baru kerajaan Malaysia dan pembangunan infrastruktur. Dasar ekonomi baru kerajaan Malaysia memang bertujuan untuk memperbaiki ekonomi seluruh rakyat Malaysia. Mengikut informan Penghulu Daniel orang Iban di seluruh negeri Sarawak telah mengalami perubahan ekonomi yang sangat positif. Oleh yang demikian ramai penduduk luar bandar yang terlepas daripada belenggu kemiskinan.

Dengan perubahan positif bidang ekonomi maka penggunaan buluh semakin berkurangan dalam kehidupan masyarakat Iban di Sarawak. Misalnya *seluk* yang digunakan untuk membawa benih padi semasa menugal, pada masa sekarang hampir pupus. Kepupusan yang berlaku adalah kerana ramai penduduk di rumah panjang atau pedalaman tidak lagi mementingkan bertanam padi huma. Mereka lebih banyak menumpukan kepada kerja lain seperti tanaman kontan iaitu lada, getah, koko, kelapa sawit dan sebagainya. Dengan pupusnya padi huma maka *seluk* pun tidak berfungsi lagi. Oleh yang demikian, maka orang Iban tidak mahu membuat atau menganyam *seluk* lagi. Dalam pemerhatian pengkaji iaitu ada di antara penduduk rumah panjang yang tidak tahu

mengenai nilai seni alat-alat seperti *seluk*, *sintung* dan sebagainya. Oleh kerana tidak menghargai seni tersebut maka ada antara mereka yang telah membuang atau membakar alat-alat tersebut.

Oleh kerana kedudukan ekonomi yang kukuh, ramai antara orang Iban di rumah panjang tidak gemar lagi memelihara binatang ternakan atau bertanam sayur. Mereka lebih suka membeli sahaja dari penjual-penjual yang datang ke rumah mereka. Dengan tidak adanya kegiatan berkebun sayur atau berternak binatang maka alat-alat buluh yang digunakan dalam bidang ini juga turut pupus mengikut zaman.

Kedudukan ekonomi masyarakat Iban yang sudah bertambah kukuh, telah menyebabkan mereka tidak lagi membina rumah panjang dengan menggunakan buluh. Mengikut informan Tuai Rumah Cannidy, orang Iban yang membina rumah panjang sejak tahun 80-an telah membina rumah panjang dari jenis konkrit²⁸ iaitu hampir serupa dengan rumah teres yang dibina di bandar. Oleh kerana itu, buluh sudah tidak digunakan lagi untuk membina rumah panjang yang moden.

Untuk membuat titian dan *andau*, orang Iban sekarang lebih suka menggunakan kayu yang tahan lama seperti kayu *tebelian*. Kayu *tebelian* tahan lama dan berpuluh tahun tidak perlu diperbaiki atau diganti dan oleh yang demikian orang Iban telah menggunakan kayu *tebelian* untuk membuat jambatan bagi menggantikan *andau buluh*

²⁸ Di daerah Saribas dan Kalaka rumah panjang yang dibina sebelum tahun 80-an, rumah panjang-rumah panjang berkenaan telah dibina daripada kayu yang keras seperti *tebelian*, *empemti batu* dan sebagainya. Contohnya Rumah Panjang Pakoh, Seruai, Matop, Tanjung dan semua rumah panjang tersebut di Saribas, Betong. Rumah panjang yang dibina dalam tahun 80-an dan 90-an ada yang dibina dari jenis konkrit misalnya rumah panjang Kemidan Jaya, Lubuk Kepayang dan Sungai Kelampai di daerah Kalaka, Betong.

payan. Kebanyakan jambatan *tebelian* di negeri Sarawak dibuat dengan bantuan daripada projek pembangunan luar bandar Negeri Sarawak dan kerana ia projek kerajaan maka kayu-kayu *tebelian* dan alat-alat lain termasuk gaji para pekerja yang digunakan untuk membina jambatan tersebut ditanggung penuh oleh kerajaan.

Selain itu buluh juga tidak lagi dipentingkan sebagai alat pengangkutan seperti rakit. Kebanyakan rumah panjang orang Iban telah boleh dihubungi melalui jalan raya. Oleh yang demikian orang Iban tidak lagi menggunakan jalan sungai dan oleh itu maka penggunaan rakit juga turut pupus. Pembinaan jalan raya juga kadang-kadang telah membuatkan buluh-buluh yang tumbuh di kawasan tersebut ditebang. Misalnya *aur pantik*. Mengikut informan Puan Dora Daud *aur pantik* yang ditanam untuk peringatan supaya tidak melakukan zina sumbang mahram di kawasan Sebetan telah ditebang kerana tempat itu digunakan untuk pembinaan jalan raya.

Pembangunan luar bandar yang telah dirancangkan oleh kerajaan Negeri Sarawak juga telah membuatkan orang Iban tidak perlu lagi mengambil air untuk tujuan memasak dan lain-lain dari sungai. Misalnya di daerah Saribas, Kalaka, Skrang, Undup dan lain-lain kawasan telah mempunyai saluran air paip sama ada dari Lembaga Air atau pun dari gunung yang berdekatan. Ini juga telah membuatkan alat buluh seperti bekas air yang digunakan untuk mengangkut air dan juga *tangkun* tidak berfungsi lagi. Oleh yang demikian *tangkun* dan buluh-buluh yang digunakan untuk mengangkut air dari sungai pada masa dahulu tidak ada digunakan lagi atau dibuat lagi untuk kegunaan seterusnya.

Pengkaji juga ingin mengemukakan mengenai cabaran yang dihadapi dalam bidang sastera lisan orang Iban yang berkaitan dengan buluh. Dalam pemerhatian pengkaji, seni sastera lisan orang Iban telah hampir tidak ada lagi. Masalah ini timbul kerana generasi muda kaum Iban sekarang tidak berminat dalam seni tersebut. Golongan tua yang tinggal di bandar juga ramai yang tidak berminat menyambung sastera tersebut kepada anak cucu masing-masing. Oleh yang demikian ramai golongan muda yang tidak tahu mengenai cerita asal-usul, cerita rakyat, peribahasa, *biau*, *pengap* dan sebagainya. Orang Iban yang berpendidikan tinggi juga suka menggunakan bahasa lain seperti bahasa Inggeris dengan anak-anak mereka. Oleh yang demikian, bahasa asal tidak dipentingkan lagi. Kerana tidak mementingkan bahasa dan budaya sendiri maka anak-anak mereka tidak bercakap dalam bahasa Iban lagi. Oleh yang demikian seni sastera yang indah seperti peribahasa dan lain-lain pun turut lenyap.

Pengkaji juga akan menceritakan ancaman kepada buluh yang dibawa oleh teknologi pertanian secara moden. Masyarakat Iban yang tinggal di luar bandar sekarang ada yang masih mengamalkan pertanian pindah dan ada juga yang bertanam padi sawah sahaja, berkebun lada dan sebagainya. Untuk membunuh rumput kebanyakan mereka menggunakan racun rumpai. Oleh yang demikian, buluh-buluh yang telah dibunuh dengan racun tidak tumbuh lagi dan ia akan menjadikan tumbuhan buluh semakin berkurangan dan akan pupus. Mengikut informan Penghulu Daniel, di huma beliau sudah tidak ada buluh *munti* dan buluh *lalang* lagi kerana telah diracun. Begitu juga di kawasan-kawasan yang digunakan untuk menanam koko, lada dan kelapa sawit. Buluh-buluh yang ada di situ pada masa dahulu telah habis diracun. Pengkaji melihat kejadian

ini sebagai satu cabaran yang sangat mengancam tumbuhan buluh di kawasan pertanian masyarakat Iban di Sarawak. Kalau ini berterusan nescaya ia akan melenyapkan tumbuh-tumbuhan buluh di kawasan berkenaan atau di seluruh negeri Sarawak.

Di atas tadi pengkaji telah membincangkan beberapa cabaran yang telah dihadapi oleh tumbuhan buluh dan juga penggunaannya dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak. Walaupun cabaran itu banyak tetapi buluh juga masih mempunyai harapan yang cerah dalam budaya masyarakat Iban. Pengkaji akan membincangkan beberapa harapan yang ada pada buluh supaya penggunaannya masih berterusan walaupun penggunaan itu akan berubah bentuk iaitu daripada alat-alat tradisi kepada yang moden. Oleh yang demikian, pengkaji ingin menghuraikan bagaimana buluh masih boleh mempunyai harapan yang cerah dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak. Pengkaji melihat ada berbagai-bagai cara terutamanya dalam bidang komersial yang membantu menghidupkan dan terus mengembangkan penggunaan buluh supaya dapat terus digunakan dengan cara yang lebih produktif. Cadangan-cadangan yang dibuat adalah berkait rapat dengan beberapa buah industri misalnya industri makanan, industri kraf tangan, perabot, pelancongan dan sebagainya.

Mengikut pendapat Dato' Dr. Salleh Mohd. Nor dalam Azmy (1992:vii) kerajaan Malaysia telah berbelanja berjuta-juta ringgit untuk mengimport bahan sayuran di dalam tin untuk kegunaan penduduk-penduduk di Malaysia. Salah satu daripada barangan yang diimport ialah rebung. Untuk mengurangkan belanja dalam dagangan import dan menampung pengeluaran makanan kepada penduduk di Malaysia maka

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah membuat pelbagai kajian mengenai pengurusan buluh dan pengeluaran rebung di Malaysia. Dengan adanya kajian itu dibuat ia diharapkan boleh membantu pengusaha-pengusaha dan pengurus-pengurus ladang yang berminat untuk menanam buluh secara besar-besaran.

Pengkaji sangat menghargai dan menyokong pendapat di atas dan seterusnya ingin menambah supaya kerajaan Negeri Sarawak juga turut serta dalam rancangan tersebut. Pengkaji mencadangkan supaya dibuat satu rancangan khas untuk menubuhkan industri makanan yang berkaitan dengan pengetinan rebung buluh. Dengan tertubuhnya industri makanan yang mengeluarkan rebung dalam tin, maka Kerajaan Negeri Sarawak juga boleh membuat satu rancangan yang khas untuk menggalakkan masyarakat Iban dan sesiapa yang berminat untuk mengusahakan ladang-ladang buluh untuk tujuan rancangan industri makanan mengenai rebung buluh.

Selain daripada berpotensi dijadikan barang makanan tin buluh juga berpotensi untuk digunakan sebagai alat memasak lauk seperti daging dan ikan. Penduduk bandar yang terdiri daripada berbilang kaum suka menggunakan buluh untuk tujuan tersebut. Buluh juga senang didapati kerana ada dijual seperti di pasar minggu. Oleh kerana penduduk bandar suka dengan masakan dalam buluh, maka ada di antara hotel-hotel yang menghidangkan masakan tersebut dan dengan itu pengkaji menyokong penggunaan buluh yang telah dilakukan oleh hotel-hotel berkenaan dan mencadangkan supaya ia diteruskan. Selain daripada memajukan penggunaan buluh dalam bidang makanan dan masakan, buluh juga sangat berpotensi dalam industri perabot.

Mengikut Zainol dari sumber internet (4/18/03:4) perabot buluh mempunyai permintaan yang tinggi di kalangan masyarakat tempatan sekarang. Ini adalah kerana reka bentuknya yang menarik dan ia juga tahan lama. Selain itu perabot buluh boleh dibuat dan dijual dengan harga yang berpatutan. Antara perabot-perabot buluh itu ialah kerusi, meja, katil, almari dan sebagainya. Oleh yang demikian pengkaji, ingin juga mencadangkan supaya di Sarawak juga dibina kilang-kilang perabot buluh. Dengan adanya kilang perabot buluh orang Iban atau sesiapa yang berminat boleh mengusahakan ladang buluh dan buluh-buluh yang dihasilkan daripada ladang tersebut boleh dijual ke kilang berkenaan. Ini sangat sesuai kerana di Negeri Sarawak banyak lagi kawasan-kawasan hutan yang masih belum diterokai dan orang Iban di Sarawak juga ramai yang mempunyai tanah yang belum dimajukan. Selain itu ia juga dapat memberi peluang pekerjaan kepada sesiapa yang ingin bekerja di situ. Di samping itu ia boleh meningkatkan ekonomi masyarakat setempat dan negara pada umumnya. Sekiranya industri perabot buluh itu maju kelak maka hasilnya boleh dieksport ke luar negara. Selain daripada boleh digunakan untuk membuat perabot, buluh juga boleh digunakan untuk membuat kertas.

Mengikut Kurosawa dari Ueda (1960:1) buluh telah diketahui oleh orang di seluruh dunia sebagai bahan mentah yang boleh digunakan untuk membuat palpa. Dengan itu di negara Jepun telah ditubuhkan industri yang berkaitan dengan penghasilan palpa. Industri itu mempunyai kilang-kilang untuk membuat barangan seperti kertas dan palpa *rayon*. Daripada kenyataan di atas, pengkaji ingin membuat satu cadangan supaya

Negeri Sarawak yang kaya dengan tumbuhan buluh untuk mendirikan kilang-kilang palpa seperti di negara Jepun itu.

Ramai antara masyarakat Iban di Sarawak yang mempunyai tanah *temuda* yang belum diusahakan atau kebun-kebun getah yang tidak lagi diusahakan. Kalau tanah-tanah tersebut dibangunkan untuk menanam buluh-buluh sudah tentu ia dapat memberi manfaat yang sangat menguntungkan sama ada kepada pemilik tanah, pemaju industri atau pun Kerajaan Negeri Sarawak dan Negara Malaysia pada umumnya. Industri itu nanti boleh memberi peluang kepada orang-orang yang mencari pekerjaan termasuk orang Iban untuk bekerja di situ. Ia bukan sahaja boleh memperbaiki ekonomi penduduk tempatan malahan ia juga boleh mengurangkan belanja untuk mendapatkan barangan import seperti kertas.

Pengkaji ingin juga mengemukakan pendapat Yaacob dalam METRO (18 Januari 2004:42) yang mengatakan mengenai pendapat seorang pakar buluh di Malaysia iaitu Dr Abdul Latif Mohmod yang menyatakan bahawa buluh selain boleh menghasilkan pelbagai produk seperti perabot, pakir atau dinding, ia juga boleh digunakan untuk mengubati penyakit seperti sakit kencing manis, meningkatkan kecergasan dan air rebusan daunnya pula dipercayai oleh orang di negara China boleh membantu memerdukan suara dan sebagainya. Dengan pendapat yang telah dikeluarkan seorang pakar buluh yang demikian maka pengkaji mencadangkan supaya pakar perubatan, artis seni suara dan sesiapa yang berkenaan dapat memberi perhatian dan seterusnya menggunakan buluh ini dengan baik dalam perkara-perkara yang telah disebutkan di atas.

Pengkaji fikir daripada menggunakan buluh dengan cara-cara yang manfaat seperti yang telah disentuh oleh pakar buluh di atas maka harapan buluh akan terus berkembang maju dan ia juga boleh menguntungkan para penggunanya sama ada secara komersial atau persendirian.

Seterusnya pengkaji akan menyentuh tentang industri kraf tangan. Di Sarawak berbagai-bagai jenis kraf tangan yang dibuat daripada buluh telah dipasarkan seperti di bandaraya Kuching. Dalam pemerhatian pengkaji industri kraf tangan buluh di Sarawak mempunyai potensi yang baik. Yusoff dalam sumber akhbar *News Straits Times* (Isnin, September 30, 2002) menyatakan bahawa bakul-bakul yang dianyam daripada buluh telah mendapat tempat di pasaran luar negara seperti Amerika Syarikat, Australia dan Singapura. Walau bagaimanapun pada masa sekarang alat-alat berkenaan masih belum cukup untuk menampung permintaan dalam sektor perdagangan luar negara. Oleh yang demikian pengkaji ingin membuat cadangan supaya industri kecil kraftangan perlu diperbanyakkan lagi. Selain itu kerja menganyam dan membuat alat-alat buluh ini boleh diajar di peringkat sekolah rendah dan seterusnya. Ini supaya generasi muda berminat dan juga boleh menghasilkan lebih banyak hasilan kraf tangan buluh untuk menampung keperluan tersebut. Selain daripada itu apabila murid sekolah diberi penerangan mengenai nilai-nilai seni tradisi yang patut dibanggakan itu maka mereka atau generasi akan datang boleh menghargai seni tersebut dan seterusnya mempunyai kesedaran untuk menyambung penggunaan buluh misalnya seni anayaman dan ukiran dalam budaya mereka yang moden kini.

Dalam pemerhatian pengkaji telah terdapat tempat-tempat pelancongan di Sarawak yang mempamerkan dan ada juga yang menjual barang-barang kraf tangan buluh. Tempat-tempat itu ialah seperti kedai-kedai yang menjual barangan antik dan ada juga barangan untuk cenderamata, Muzium Buluh di Kuching yang mempamerkan kraftangan buluh, tempat pelancongan seperti Kampung Budaya, Kuching, Bukit Saban, Betong dan sebagainya. Ini sangat menggalakkan dan pengkaji sangat menghargai jasa setiap yang berkenaan dalam mempromosikan industri kraf tangan buluh. Oleh yang demikian, pengkaji ingin mencadangkan supaya setiap orang yang terlibat itu dan termasuk yang belum terlibat tetapi berminat supaya meneruskan usaha industri buluh ini. Ini adalah kerana ia sangat baik untuk meningkatkan ekonomi mereka yang berkenaan dan juga terus meningkatkan ekonomi negara seperti industri-industri lain. Seterusnya pengkaji ingin mengemukakan mengenai harapan buluh dalam bidang sastera.

Pengkaji merasa sungguh sukacita kerana ada sebilangan kecil orang Iban yang telah sedar bahawa betapa pentingnya menyimpan bahan-bahan seni sastera supaya dapat dibaca dan dipelajari oleh generasi baru pada masa yang akan datang dan juga kepada sesiapa atau pengkaji-pengkaji yang ingin hendak mengkaji buluh dan budaya Iban di Sarawak. Pengkaji menyatakan bahawa dirinya sangat berasa bangga kerana mendapati bahawa beberapa pertubuhan seperti *Sarawak Literary Society*, *The Tun Jugah Foundation*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Muzium Negeri Sarawak dan sebagainya yang telah membuat cetakan teks-teks sastera lisan masyarakat Iban yang berkaitan dengan penggunaan buluh. Dengan ini pengkaji mencadangkan supaya pengkaji-pengkaji budaya

mengkaji mengenai kehadiran buluh dalam kehidupan masyarakat Iban sama ada pada masa dahulu atau pun sekarang dengan menggunakan teks-teks yang telah dicetak itu.

Seterusnya pengkaji mencadangkan supaya masyarakat Iban berusaha menyimpan sastera lisan mereka kepada bentuk sastera tulisan supaya ia tidak hilang. Dengan ini pengkaji mencadangkan supaya badan tertentu misalnya Dewan Bahasa dan Pustaka di Kuching, Sarawak agar mengadakan rancangan khas seperti pertandingan menulis cerita, peribahasa dan lain-lain dalam bahasa Iban dan memberi hadiah-hadiah yang menarik kepada pemenang-pemennangnya. Sekiranya ini dapat dijalankan dengan baik sudah tentu generasi baru masyarakat Iban boleh mengetahui dan mempelajari asal-usul dan cara-cara pemikiran nenek moyang mereka pada masa lampau.

Selain dari bidang sastera pengkaji juga akan menyentuh tentang harapan buluh dalam bidang rekreasi. Dalam pemerhatian pengkaji di pusat pelancongan telah dibina beberapa buah banglow, *chalet*, pondok, titian dan sebagainya. Misalnya di Kampung Budaya, Kuching ada rumah tradisional kaum bumiputera yang dibina dengan menggunakan lantai buluh dan ada juga dibina titian buluh. Hal ini sangat sesuai untuk memberitahu para pelancong bahawa penduduk bumiputera Sarawak termasuk orang Iban pernah menggunakan buluh dalam seni bina mereka. Pengkaji ingin menambah bahawa supaya pihak yang berkenaan membuat pondok atau rumah daripada buluh seperti dalam cerita rakyat Iban yang bertajuk *Apai Saloi* dan *Apai Seumang-umang*. Kalau ada pondok yang sebegitu rupa sudah tentu ia dapat menarik ramai pelancong kerana hendak mendengar pondok buluh itu menyanyi. Walau bagaimanapun kalau

membina pondok tersebut binalah dengan sempurna supaya *kukuh* dan tidak roboh ditiup ribut.

Sebagai penutup Disertasi ini pengkaji ingin sekali lagi menyatakan bahawa pada masa dahulu orang Iban banyak menggunakan buluh dalam berbagai aspek kehidupan mereka tetapi seperti masyarakat lain budaya mereka juga mengalami banyak perubahan. Perubahan demi perubahan berlaku dan ini telah membuatkan penggunaan buluh semakin hari semakin dipinggirkan dan pada masa sekarang hampir semua alat-alat tradisi sudah tidak berfungsi lagi. Walau bagaimanapun dengan harapan yang tinggi pengkaji telah membuat beberapa cadangan yang difikirkan boleh membantu menyambung dan menghidupkan kembali penggunaan buluh walaupun cara-cara penggunaannya akan bertukar bentuk daripada masa silam. Akhir sekali pengkaji berharap bahawa penggunaan buluh boleh terus kekal dan berkembang dalam budaya masyarakat Iban di Sarawak. Semuanya terserah kepada masyarakat Iban khususnya generasi muda kini memikirkannya demi kelangsungan atau budaya masyarakat Iban sendiri.